KELUARAN KHAS MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN DYMM

# Sultan Perak

PERAK

# SULTAN YANG SANGAT DI-KENALI RA'AYAT



Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Sultan Idris Al Mutawakkil Alal-lah Shah ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah, D.M.N., D.K., S.P.M.P., C.M.G., P.J.K., Sultan negeri Perak.

## Baginda mendampingi ra'ayat semenjak 20 tahun yg lalu

**RAJA Idris Shah ibni Sultan Iskandar Shah, D.M.N., D.K., S.P.M.P., C.M.G., P.J.K., menyambut hari keputeraan bagi yang ka-40 tahun, hari ini.**

Perayaan2 menyambut hari keputeraan baginda termasok istiadat2 rasmi ia-itu Menjunjong Duli dan menyampaikan kurniaan2 di-raja yang akan di-langsongkan di-Istana Iskandariah Kuala Kangsar.

**Oleh HENRY PAUL**

Kerajaan negeri Perak membelanjakan kira2 $4,000 untok istiadat2 rasmi menyambut hari keputeraan baginda.

Raja Idris Shah ia-lah Sultan yang ka-33 memerentah negeri Perak sejak 450 tahun yang lalu.

Negeri yang baginda perentah ia-lah sa-luas 8,000 persegi batu. Pendudok2-nya berjumlah 1.5 juta orang dan ia-lah negeri yang paling kaya dan maju di-Malaya, dan memberikan sumbangan kewangan yang besar kapada perbendaharaan kebangsaan.

Sultan Perak di-kenali baik oleh ra'ayat negeri kerana sejak 20 tahun yang lalu, telah menjadi kebiasaan kapada baginda untok mendampingi ra'ayat, berchampor gaul dengan mereka sa-chara bebas, terutama sekali ra'ayat yang tinggal di-kawasan2 luar bandar.

Sahabat2 karib-nya bukan semata2 terdiri dari oran2 yang ternama dan kaya, tetapi di-dapati di-antara ra'ayat biasa dari semua gulongan yang kepentingan mereka sentiasa di-perhatikan oleh baginda.

### Di-puterakan

Raja Idris Shah di-puterakan pada 1 hari bulan August 1924, di-Istana Negara di-Bukit Chandan, Kuala Kangsar, ketika ayahanda-nya, Al-marhom Sultan Iskandar Shah (memerentah dari tahun 1918 hingga 1938) baru enam tahun menjadi Sultan Perak. Bonda-nya ia-lah Raja Perempuan Khalsom.

Istana Negara tempat Raja Idris di-puterakan sudah tidak ada lagi sekarang. Di-tapak istana lama ini-lah terletak Istana Iskandariah yang siap di-bena pada tahun 1933 dengan belanja satu juta hingga merupakan bangunan yang terindah di-negeri ini.

Raja Idris mula2 belajar di-sabuah Sekolah Melayu yang berdekatan dengan istana lama itu pada tahun 1931 hingga 1934, kemudian menyambong pelajaran-nya di-Clifford School dan sa-lepas itu di-Malay College Kuala Kangsar.

Pada tahun 1934, Raja Idris yang muda remaja itu, menerima kurniaan-nya yang pertama apabila dia di-lantek menjadi Raja di-Hilir Perak, dan em-

★ LIHAT MUKA 11



Duli Yang Maha Mulia Raja Muzwin binti Raja Arif Shah, Raja Perempuan Perak.

IRC UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS INFORMATION RESOURCE CENTRE

